



Kod Tata Kelakuan FedEx

Panduan Kami dalam Menunaikan Janji
Ungu



Kod Tata Kelakuan FedEx

Panduan Kami dalam Menunaikan Janji Ungu

Pengenalan

- Perutusan Pengerusi
- Apa Yang Menyatukan Kami, Menguatkan Kami
- Setiap Tindakan Bermakna

Meraih Kepercayaan Warga Kerja Kami

- Tanggungjawab Warga Kerja FedEx
- Tanggungjawab Pengurus FedEx
- Kesihatan dan Keselamatan
- Keselamatan Tempat Kerja
- Peluang Sama Rata dan Anti Gangguan
- Hak Asasi Manusia
- Konflik Kepentingan
- Peluang Korporat
- Harta Intelektual
- Kecurian, Kerosakan atau Kehilangan
- Maklumat Sulit
- Penyata Rekod yang Tepat

Meraih Kepercayaan Pelanggan Kami

- Hadiah, Pelancongan dan Keraian
- Keselamatan dan Kerahsiaan Data
- Antitrust dan Persaingan
- Dagangan dengan Maklumat Dalaman
- Penipuan, Perakaunan dan Kawalan Dalaman
- Pendedahan Awam

2	Meraih Kepercayaan Komuniti Kami	22
3	Alam Sekitar dan Kelestarian	23
4	Korupsi, Bayaran Tidak Wajar dan Rasuah	24
5	Kawalan Perdagangan Antarabangsa	26
	Pencegahan Pengubahan Wang Haram	27
6	Aktiviti dan Sumbangan Politik	27
7		
8	Bersuara	28
9	Dasar Pintu Terbuka	29
10	Talian Amaran FedEx	29
11	Laporan Mengenai Penipuan, Perakaunan dan Kawalan Dalaman	30
12	Penyiasatan	31
12	Tiada Tindakan Balas	31
13		
14	Kesimpulan	32
14	Penguatkuasaan	33
15	Pengecualian	33
15	Nasihat Terakhir	34
16		
17		
18		
19		
20		
20		
21		

Perutusan Pengerusi

Kebolehpercayaan dan kebolehharapan adalah sangat berharga kepada pelanggan kami. Setiap hari, warga kerja FedEx meraih kepercayaan ini dengan menunaikan Janji Ungu - bagi menjadikan setiap pengalaman dengan FedEx lebih bermakna.

Apa yang mendorong warga kerja kami untuk menjadi lebih dipercayai ialah Kod Tata Kelakuan FedEx. Kod ini mengajar kami untuk bertingkah laku secara wajar dan beretika pada setiap masa, walaupun jika ia memberikan kesan terhadap perniagaan atau keuntungan jangka pendek.

Sila baca Kod ini bagi meningkatkan pengetahuan kerja tentang standard undang-undang dan etika yang secara langsungnya akan mempengaruhi kerja anda. Selain itu, disebabkan Kod ini tidak merangkumi setiap situasi, adalah penting untuk anda turut membaca dasar, manual dan buku panduan FedEx yang lain. Paling utama, jangan ragu-ragu meminta nasihat daripada pengurus anda, jabatan sumber manusia, atau peguam FedEx, sebelum membuat keputusan.

Jika anda percaya telah berlakunya pelanggaran undang-undang atau etika, laporkan kepada pengurus anda, jabatan sumber manusia, undang-undang atau keselamatan, atau Talian Amaran FedEx. Kod dan dasar kami melarang apa jua bentuk tindakan balas terhadap anda kerana telah secara telus membangkitkan kebimbangan.

Pegawai, pengarah dan pengurus kami mempunyai tanggungjawab tambahan untuk menggalakkan prinsip-prinsip dalam Kod ini serta memupuk budaya yang mana tingkah laku beretika adalah dihargai, dinilai dan dipamerkan oleh semua warga kerja. Komitmen kami untuk melakukan perkara yang betul bergantung pada keupayaan pemimpin kami menetapkan suasana kerja yang baik serta menangani kesalahan yang disyaki dengan segera, secara berhati-hati dan penuh hormat.

Terima kasih kerana meluangkan masa untuk membaca dan mematuhi Kod ini, serta dedikasi berterusan anda untuk mengekalkan reputasi kebolehpercayaan dan kebolehharapan kami. Ingat, apabila menyebut tentang integriti, setiap tindakan bermakna.

Yang Ikhlas.



Frederick W. Smith

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif



Apa Yang Menyatukan Kami, Menguatkan Kami

Kod Tata Kelakuan FedEx menyatukan semua warga kerja FedEx, tidak kira di mana kami berada di serata dunia. Kod ini menetapkan prinsip etika dan amalan perniagaan yang membolehkan kami menunaikan Janji Ungu kepada pelanggan, komuniti dan satu sama lain.

Kod ini terpakai untuk setiap pegawai, pengarah, pengurus dan pekerja (jika digabungkan dikenali sebagai "warga kerja") bagi Syarikat FedEx serta anak syarikatnya. Bahagian tertentu Kod ini juga terpakai kepada pihak ketiga yang menjalankan perkhidmatan bagi pihak FedEx. Anda sepatutnya membaca Kod ini, bersama-sama dasar, manual, buku panduan atau kontrak FedEx yang lain yang berkaitan pekerjaan anda, apabila timbul persoalan tentang etika dan amalan perniagaan.

Contoh Pihak Ketiga:

- > Peserta Perkhidmatan Ekspres Sejagat
- > Penyedia Perkhidmatan Darat
- > Sub kontraktor PUD
- > Sub kontraktor Linehaul
- > Ejen Cartage
- > Pusat Pengesahan FedEx yang Dibenarkan





Setiap Tindakan Bermakna

Di FedEx kami komited dengan Janji Ungu. Kami akan menjadikan setiap pengalaman dengan FedEx bermakna. Komitmen ini telah menetapkan had kecemerlangan, membantu kami meraih **kepercayaan** dan kesetiaan warga kerja, pelanggan dan komuniti, serta menjadikan FedEx salah satu syarikat paling dihormati di seluruh dunia dan tempat terbaik untuk bekerja.

Mematuhi undang-undang dan beretika dalam tingkah laku adalah asas bagi menunaikan Janji Ungu. Sesetengah undang-undang melibatkan semua, seperti yang menyentuh tentang kesihatan dan keselamatan. Undang-undang lain terutamanya hanya untuk warga kerja dan pihak ketiga dengan peranan tertentu, contohnya operasi rangkaian pengangkutan, laporan kewangan atau perkhidmatan pelanggan. Dalam kod ini, kami membahagikan undang-undang utama dan standard etika menjadi prinsip integriti dan amalan perniagaan yang diguna pakai dalam tindakan sehari-hari kami.

Jika anda mempunyai sebarang persoalan berkaitan prinsip yang dinyatakan dalam Kod ini, ajukan kepada pengurus anda, jabatan sumber manusia, keselamatan dan undang-undang syarikat anda bekerja, atau Jabatan Integriti & Pematuhan Korporat di integrity@fedex.com.

Apabila menyebut tentang integriti dan amalan perniagaan — SETIAP TINDAKAN BERMAKNA!

Meraih Kepercayaan Warga Kerja Kami

Kami membina warga kerja yang bermotivasi tinggi dan cekap dengan menggalakkan persekitaran tempat kerja selamat serta menghargai kepelbagaian, penyertaan, kerjasama dan rasa hormat sesama sendiri dan

FedEx.





Tanggungjawab Warga Kerja FedEx

Sebagai warga kerja FedEx, kami semua mesti bertindak secara berintegriti dan mengekalkan kepercayaan warga kerja, pelanggan dan komuniti. Kami bertanggungjawab untuk:

- > Membaca dan mematuhi Kod
- > Bertanyakan soalan
- > Melaporkan sebarang pelanggaran undang-undang, Kod, dasar dan peraturan FedEx dengan segera sama ada yang diketahui atau disyaki.



Contoh Penggunaan Kod Kami

S FedEx meninggikan tahap prestasi setiap tahun dan kami sentiasa rasa tertekan untuk mencapai hasil yang lebih baik. Adakah kewajipan untuk memenuhi matlamat perniagaan dan kewangan ini perlu diutamakan berbanding kewajipan saya terhadap Kod ini?

J Tidak. Kepentingan kami tidak pernah dipenuhi melalui amalan perniagaan yang tidak sah atau tidak beretika. FedEx adalah salah satu nama yang paling dipercayai di dunia. Mengelakkan standard etika dan profesional yang tertinggi adalah amat penting bagi mempertahankan kepercayaan yang berharga ini.

Tanggungjawab Pengurus FedEx

Pengurus FedEx mempunyai tanggungjawab tambahan di bawah Kod ini. Memberikan komitmen terhadap etika dan integriti dalam tindakan sehari-hari anda adalah faktor paling utama dan penting dalam meraih kepercayaan serta memupuk budaya agar warga kerja lain turut mematuhi Kod ini. Anda bertanggungjawab untuk:

- > Membaca dan mematuhi Kod
- > Memastikan pematuhan mesej utama dalam Kod
- > Memastikan warga kerja selesa untuk bersuara dan bertanyakan soalan
- > Bersedia dan mendengar persoalan atau kebimbangan warga kerja
- > Mengelakkan terjadinya tindakan balas terhadap warga kerja yang telus menyuarakan kebimbangan
- > Menguatkuasakan Kod serta dasar dan peraturan FedEx dengan segera dan konsisten





Kesihatan dan Keselamatan

Kami komited dalam mengekalkan persekitaran tempat kerja yang sihat dan selamat. Kami mesti mematuhi undang-undang serta peraturan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan pekerjaan kami dan mengelakkan keadaan tempat kerja yang tidak selamat — tiada pengecualian! Ini termasuk mengekalkan persekitaran tempat kerja yang bebas alkohol dan dadah mengikut peraturan serta undang-undang kebangsaan, negeri dan tempatan. Pihak ketiga yang bekerja dengan kami juga harus mematuhi undang-undang kesihatan dan keselamatan serta dasar FedEx dan berusaha menjadikan persekitaran tempat kerja kami bebas alkohol dan dadah.



Kami bertanggungjawab melaporkan keadaan tempat kerja yang tidak selamat. Laporkan keimbangan tentang kesihatan dan keselamatan persekitaran tempat kerja kepada pengurus, pakar keselamatan, pihak sumber manusia syarikat anda bekerja, atau di Talian Amaran FedEx.

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Bahagian belakang badan saya cedera ketika di tempat kerja, tetapi saya tidak mahu membuat laporan. Saya rasa ia kecuaian sendiri dan akan menjatuhkan rekod tanpa kecederaan rakan pasukan saya. Apakah yang harus saya lakukan?

J Semua kecederaan atau kemalangan mesti dilaporkan kepada pengurus anda, pakar keselamatan, sumber manusia atau rakan niaga syarikat FedEx anda secepat mungkin supaya FedEx boleh mengambil tindakan yang wajar bagi mengelak kejadian daripada berulang.

Keselamatan Tempat Kerja

Kami komited dalam mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan terjamin. Kami mlarang dan tidak akan bertolak ansur terhadap tingkah laku ganas atau mengancam yang dilakukan oleh atau terhadap warga kerja FedEx, pihak ketiga atau individu lain. Aktiviti yang dilarang termasuk perbuatan menakut-nakutkan, membuli, mengintip, melakukan serangan fizikal, dan ancaman bertulis, lisan atau fizikal yang ditujukan kepada warga kerja, pihak ketiga atau individu lain.

Kami semua bertanggungjawab melaporkan situasi yang berpotensi menimbulkan keganasan di tempat kerja. Jangan sesekali beranggapan aktiviti mengancam atau mencurigakan yang berpotensi menimbulkan keganasan di tempat kerja adalah tidak serius. **Semua ancaman atau aktiviti yang mencurigakan mesti dilaporkan.**

- > Jika berlaku kecemasan dan anda berada di A.S., dail **911**. Di luar A.S., hubungi nombor telefon maklum balas kecemasan tempatan anda.
- > Jika ancaman atau tindakan menunjukkan potensi keganasan, yang bukannya pada kadar segera, laporkan keadaan tersebut kepada pengurus anda, Keselamatan FedEx atau Talian Amaran FedEx.
- > Akhirnya, di kebanyakan lokasi, warga kerja boleh menggunakan LiveSafe untuk menerima pemberitahuan keselamatan, menelefon nombor maklum balas kecemasan serta melaporkan petunjuk dan maklumat kepada Keselamatan FedEx. LiveSafe tersedia melalui aplikasi mudah alih LiveSafe, aplikasi mudah alih Workday atau terminal komputer yang ditetapkan di bangunan FedEx.


Sumber lain

- Pencegahan Keganasan Di Tempat Kerja

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Salah seorang pekerja di syif saya sangat mudah terganggu dan telah mengeluarkan kata-kata yang menjadikan saya bimbang tentang keselamatan saya. Apakah yang harus saya lakukan?

J Laporkan kebimbangan anda kepada pengurus, Keselamatan FedEx, LiveSafe atau Talian Amaran FedEx. FedEx memandang serius tanda-tanda potensi keganasan di tempat kerja dan akan bertindak bagi memastikan persekitaran tempat kerja yang selamat.



Peluang Sama Rata dan Anti Gangguan

Aset terbesar kami di FedEx ialah warga kerja kami. Kami komited terhadap peluang sama rata, keadilan, saling hormat-menghormati, menggalakkan penyertaan dan tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang diskriminasi atau gangguan yang melibatkan bangsa, warna kulit, etnik, negara asal, agama, jantina, umur, maklumat genetik, kerakyatan, kelainan upaya, status perkahwinan, wanita mengandung, orientasi seksual, identiti jantina, ekspresi jantina, status veteran atau apa ju ciri lain yang dilindungi di bawah undang-undang kebangsaan, negeri dan tempatan.

Kami merekrut, menggaji, memberikan kontrak, menilai, membayar ganti rugi dan menaikkan pangkat pekerja berdasarkan kelayakan serta prestasi kerja. Kami sebaik mungkin akan membantu warga kerja dan pihak ketiga dengan kelainan upaya fizikal dan mental kecuali jika ia menyebabkan kesukaran tidak wajar terhadap perniagaan kami.

Kami melarang gangguan seksual. Gangguan seksual boleh terjadi dalam pelbagai bentuk, termasuk cubaan untuk bermesra secara seksual yang tidak disenangi, permintaan untuk layanan seksual, ancaman dan sentuhan fizikal yang tidak diingini. Gangguan seksual boleh juga terjadi melalui percakapan atau perbuatan seperti komen atau gerak isyarat yang tidak bersesuaian, e-mel atau mesej teks yang tidak diingini, gambar atau komen yang disiarkan di media sosial.

IA MUNGKIN GANGGUAN

Jika ia **kelihatan** seperti ini



gambar yang tidak bersesuaian



gerak isyarat tidak senonoh



sentuhan yang tidak sepatutnya

Atau **berbunyi** seperti ini



membincangkan aktiviti seksual



mengejek



bahasa kasar



memberikan komen tentang sifat-sifat fizikal



jenaka lucu

Jika anda menyaksikan atau mengalami diskriminasi atau gangguan, laporkan kepada pengurus anda, jabatan sumber manusia atau undang-undang syarikat anda bekerja, atau Talian Amaran FedEx.

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Saya mendengar pengurus saya mengatakan apabila perempuan disahkan hamil, ia akan mengganggu prestasi kerja mereka. Saya percaya saya tidak menerima kenaikan pangkat disebabkan pengurus saya mengetahui saya hamil. Adakah apa-apa yang saya boleh lakukan?

J Ya. Anda harus melaporkan situasi ini kepada jabatan sumber manusia atau undang-undang syarikat anda. Jika anda ingin merahsiakan identiti, laporkan melalui Talian Amaran FedEx.

Hak Asasi Manusia

Kami komited dalam melindungi dan memajukan hak asasi manusia dalam semua operasi kami di serata dunia. Kami milarang penggunaan buruh kanak-kanak, sama ada secara sukarela atau paksaan. Kami mempunyai dasar toleransi sifar, dan milarang perhambaan atau pemerdagangan manusia. Kami membayar gaji dengan adil dan mematuhi undang-undang penggajian di semua negara tempat kami beroperasi. Kami memerlukan pihak ketiga dan pembekal kami untuk turut mematuhi prinsip-prinsip penting ini.

Sumber lain

- Dasar Milarang Pemerdagangan Manusia

Konflik Kepentingan

FedEx menghormati hak warga kerja untuk mengurus aktiviti serta kepentingan kewangan luaran kami. Pada masa yang sama, semasa masih bekerja dengan FedEx, kesetiaan perniagaan utama haruslah untuk FedEx. Jika kepentingan peribadi menghasilkan, atau secara zahirnya nampak seperti menghasilkan konflik kepentingan di tempat kerja, ia mungkin akan memberikan kesan terhadap kemampuan kami untuk berlaku jujur dan demi kepentingan FedEx apabila membuat keputusan perniagaan.

Bagi mengelakkan konflik kepentingan, kami mesti menghindari aktiviti pelaburan atau hubungan peribadi yang erat, yang akan mencipta, atau seolah-olah akan mencipta konflik antara kepentingan peribadi dan kepentingan FedEx. Hubungan peribadi yang erat termasuk hubungan dengan individu yang merupakan ahli keluarga, tinggal bersama, keluar bersama atau terlibat dalam hubungan intim. Di samping itu, FedEx secara khususnya milarang warga kerja atau mana-mana ahli keluarga terdekat daripada menerima wang, hadiah atau faedah peribadi lain sebagai balasan terhadap peluang perniagaan yang diterima daripada FedEx.

Jika anda menyedari potensi atau sememangnya konflik kepentingan itu wujud, anda mestilah melaporkannya kepada pengurus anda secara bertulis. Pengurus anda akan menilai situasi itu dan berunding dengan jabatan sumber manusia atau undang-undang, yang mana lebih sesuai, bagi semakan, panduan atau tindakan.

Melainkan telah diluluskan oleh Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Syarikat FedEx, anda tidak dibenarkan menggaji mana-mana individu yang pernah bekerja dalam tempoh tiga tahun yang lalu oleh juruaudit bebas Syarikat FedEx (pada masa ini, Ernst & Young LLP).

Sumber lain

- Dasar Hadiah & Keraian Global

AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILARANG:

- > Bekerja secara paksaan
- > Rampasan identiti atau dokumen imigresen
- > Penggunaan perekrut yang melanggar undang-undang buruh tempatan
- > Tuntutan mengelirukan tentang gaji, faedah, lokasi kerja, bahaya rumah dan pekerjaan.


SITUASI YANG BOLEH MEMBAWA PADA KONFLIK KEPENTINGAN:

- > Bekerja di luar FedEx
- > Mengambil atau menguruskan individu yang rapat
- > Keahlian lembaga
- > Pemilikan atau kepentingan kewangan
- > Dibayar oleh vendor atau pembekal untuk menulis artikel atau bercakap di satu acara

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Baru-baru ini saya telah dinaikkan pangkat menjadi Pengurus. Teman wanita saya turut bekerja di FedEx dan kini bekerja di bawah saya. Kedua-dua kami mahu kekal bekerja di FedEx. Apakah yang patut kami lakukan?

J Menjadi pengurus kepada teman wanita akan mencipta konflik kepentingan. Anda harus mendedahkan hubungan anda secara bertulis kepada pengurus anda. Pengurus anda akan menilai situasi itu dan berunding dengan jabatan sumber manusia atau undang-undang bagi menangani konflik tersebut.



Peluang Korporat

Kami komited dalam melindungi peluang perniagaan FedEx. Pihak ketiga, pembekal, pelanggan dan pihak lain sentiasa mengutarakan idea dan peluang kepada FedEx. Di samping itu, kami mungkin menemui atau mengembangkan idea bagi perniagaan, teknologi atau pelaburan baharu FedEx. Idea dan peluang ini adalah harta eksklusif FedEx. Warga kerja dilarang menggunakan teknologi, idea dan peluang FedEx bagi keuntungan peribadi atau bersaing dengan FedEx tanpa keizinan bertulis terlebih dahulu daripada jabatan undang-undang syarikat anda bekerja.

Pegawai dan pengarah mempunyai tanggungjawab tambahan untuk melindungi peluang perniagaan FedEx dan harus menghubungi Penasihat Umum Syarikat FedEx bagi sebarang pertanyaan dan panduan.

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Baharu-baharu ini saya berbual dengan pembekal yang memberitahu saya tentang syarikat teknologi yang mungkin akan dibeli FedEx. Bolehkah saya melaburkan wang sendiri dalam syarikat teknologi?

J Sebelum melabur, anda seharusnya mendedahkan kesemua perincian tersebut kepada jabatan undang-undang syarikat anda bekerja dan menunggu kebenaran bertulis sebelum meneruskannya.

Harta Intelektual

Kami komited dalam menghormati paten, hak cipta, tanda dagang dan harta intelektual lain, termasuk yang menjadi milik FedEx. Kami tidak akan menghasilkan semula bahan berhak cipta atau menggunakan harta intelektual melainkan kami mempunyai lesen atau kebenaran untuk melakukannya. Begitu juga, kami mengedarkan perisian hanya mengikut syarat perjanjian lesen tersebut. Mana-mana penggunaan perisian sumber terbuka mestilah telah diluluskan oleh Jabatan Keselamatan Maklumat dan jabatan undang-undang syarikat anda bekerja.

Kami komited dalam melindungi paten, hak cipta dan tanda dagang FedEx di serata dunia. Nama dan tanda dagang FedEx hanya boleh digunakan mengikut lesen dan garis panduan jenama yang berkenaan.

CONTOH BAHAN YANG TIDAK DIBENARKAN SALINAN TANPA LESEN ATAU KEBENARAN:


- > Buku, artikel, muzik, video atau gambar yang dilindungi dengan hak cipta
- > Perisian yang dilesenkan
- > Tanda dagang yang dilesenkan

Kecurian, Kerosakan atau Kehilangan

Sebagai sebahagian daripada Janji Ungu, kami komited dalam melindungi harta benda FedEx dan pelanggan, dan akan melaporkan potensi kecurian, kerosakan atau kehilangan. Jangan mencuri atau menyalah gunakan harta benda FedEx atau pelanggan. Kecurian, kerosakan dan kehilangan memberikan impak langsung terhadap kecekapan dan kemampuan kami untuk menunaikan Janji Ungu.

FedEx menyediakan kemudahan, peralatan, pengangkutan serta teknologi yang boleh digunakan apabila melakukan tugas dan tanggungjawab untuk FedEx. Sentiasa membuat pertimbangan yang wajar apabila menggunakan harta benda FedEx. Peranti teknologi seperti komputer riba, pad kuasa, tablet dan telefon pintar disediakan bagi membantu anda bekerja untuk FedEx. Penggunaan peranti teknologi FedEx secara minimum mungkin diterima, jika dibenarkan oleh syarikat pengendali FedEx dan tidak mengganggu tugas kerja anda. Walau bagaimana pun, hampir kesemua cara komunikasi menggunakan peranti FedEx mungkin akan menjadi rekod syarikat. Melainkan dilarang oleh undang-undang, FedEx berhak untuk mengambil dan melihat komputer riba, pad kuasa, tablet, telefon pintar dan apa juar maklumat yang disimpan dalam pelayan FedEx, termasuk e-mel, mesej teks dan rekod layaran Internet, dengan atau tanpa pengetahuan atau persetujuan anda.

Jika anda menyaksikan ataupun menyedari potensi kecurian, kerosakan atau kehilangan, Janji Ungu kami menggalakkan anda melaporkannya kepada pengurus, jabatan sumber manusia atau keselamatan syarikat anda bekerja, LiveSafe atau Talian Amaran FedEx. Kami dengan segera akan mengambil tindakan terhadap laporan anda, dan mungkin atas budi bicara pengurusan, memberikan ganjaran kepada warga kerja atau pihak ketiga yang menyalurkan maklumat sehingga terbongkarnya kecurian, kerosakan atau kehilangan.



Contoh Penggunaan Kod Kami

S Saya sedang menyediakan pembentangan untuk pelanggan, dan menjumpai klip muzik dan video di Internet. Bolehkah saya memasukkannya dalam pembentangan saya?

J Ia bergantung. Muzik dan video mungkin dilindungi dengan hak cipta. Rujuk dengan jabatan undang-undang syarikat anda bekerja atau legalreview@fedex.com sebelum menggunakan dalam pembentangan anda.

Maklumat Sulit

Kami komited dalam melindungi maklumat sulit FedEx. Maklumat sulit adalah sebarang maklumat bukan umum tentang perniagaan FedEx, warga kerja, pelanggan dan pembekal seperti pelan perniagaan, harga, kos, maklumat kewangan dalaman, maklumat peribadi, penyelidikan dan pembangunan, teknologi milik FedEx, pelan pemasaran serta maklumat berdaya saing yang lain.

Maklumat sulit tidak seharusnya disalah guna atau didedahkan semasa atau selepas tempoh pekerjaan atau kontrak anda bersama FedEx. Anda boleh mendedahkan maklumat sulit kepada warga kerja FedEx yang lain atau pihak ketiga hanya jika mereka mempunyai keperluan maklumat yang dibenarkan dan berkaitan perniagaan.

Amalkan sikap berhati-hati apabila berbincang tentang maklumat sulit di tempat awam yang perbualannya boleh didengari, seperti restoran atau lif. Elakkan membaca dokumen dengan maklumat sulit di tempat awam, seperti kapal terbang atau kereta api, dan jangan buang dokumen tersebut di tempat yang mudah untuk ditemui. Akhirnya, mengikut kesesuaian dan selaras dasar pengekalan dokumen di syarikat anda bekerja, anda mesti melupuskan dokumen yang mengandungi maklumat sulit dengan selamat.

Bahagian ini tidak mengehadkan komunikasi dengan atau antara warga kerja mengenai gaji, waktu bekerja atau terma dan syarat penggajian yang lain. Juga, bahagian ini tidak melarang anda daripada melaporkan maklumat kepada mana-mana agensi kerajaan atau organisasi swaatur atau melibatkan diri dalam aktiviti yang dilindungi di bawah undang-undang pemberi maklumat.

Sumber Iain

- Dasar Keselamatan Maklumat
- Garis Panduan Media Sosial
- Garis Panduan Aplikasi Pemesejan

Penyata Rekod yang Tepat

Kami komited dalam mengekalkan penyimpanan rekod bagi mematuhi keperluan kewangan, undang-undang dan operasi. Ramai warga kerja dan pihak ketiga yang menggunakan rekod FedEx seperti lembaran masa, penyata perbelanjaan, log jumlah jam perkhidmatan atau transaksi pelanggan. Di samping itu, beberapa warga kerja dan pihak ketiga juga terlibat dalam penciptaan rekod undang-undang, kewangan dan operasi. Kami semua perlu jujur dan memastikan semua rekod FedEx adalah tepat, lengkap, boleh dipercayai dan selamat. Pemalsuan yang disengajakan atau pemusnahan yang tidak dibenarkan apa jua dokumen atau rekod syarikat — sama ada dalam bentuk kertas, elektronik, salinan imbas, video, e-mel, penyimpanan awan, atau dalam format atau lokasi yang lain — adalah dilarang.

Keperluan penyimpanan rekod FedEx adalah mengikut undang-undang tertentu dan keperluan perniagaan. Selalulah menyemak jadual penyimpanan rekod syarikat anda bekerja bagi memastikan anda menyimpan semua rekod yang dikehendaki. Jangan sekali-kali mengubah atau memusnahkan rekod FedEx jika anda telah dimaklumkan oleh jabatan undang-undang yang rekod tersebut telah menjadi subjek perundangan kerana terdapat tuntutan undang-undang yang belum selesai atau yang mengancam. Jika tidak menjadi subjek perundangan dan jadual penyimpanan rekod telah tamat tempoh, anda seharusnya melupuskan rekod tersebut mengikut dasar, peraturan dan jadual pelupusan rekod syarikat anda bekerja.

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Terdapat banyak platform pemesejan baharu yang tersedia sekarang. Bolehkah saya menggunakan aplikasi pemesejan untuk menghantar maklumat harga kepada pelanggan?

J Tidak. FedEx melarang pendedahan maklumat sulit di laman media sosial, aplikasi pemesejan, blog umum, atau laman dan aplikasi awam serupa yang tersedia. FedEx mempunyai garis panduan tambahan bagi penggunaan media sosial dan aplikasi pemesejan.

Meraih Kepercayaan Pelanggan Kami

Kami mendengar pendapat pelanggan dan berusaha mencapai kecemerlangan yang membolehkan kami memenuhi keperluan serta melangkau jangkaan pelanggan kami, dan pada masa yang sama mematuhi standard etika dan profesional yang tertinggi.



Hadiah, Pelancongan dan Keraian

Kami komited untuk menggalakkan keputusan perniagaan yang adil dan telus serta melindungi reputasi FedEx. Hadiah perniagaan, jamuan makan minum, pelancongan dan keraian yang berpatutan dan bersesuaian membantu menggalakkan hubungan dengan pihak ketiga, pelanggan dan pembekal. Namun, kami seharusnya tidak menawarkan atau menerima apa jua yang akan mempengaruhi keputusan perniagaan secara tidak wajar.

Apabila menawarkan atau menerima hadiah, jamuan makan minum, pelancongan dan keraian, pastikan anda memahami had yang ditentukan oleh Dasar Hadiah dan Keraian Global FedEx. Hadiah perniagaan, jamuan makan minum, pelancongan dan keraian hendaklah secara sederhana, bersesuaian dengan negara atau budaya, dan bertujuan hanya untuk menggalakkan hubungan perniagaan. Hadiah, jamuan makan minum, pelancongan dan keraian yang bercorak berulang (tidak kira berapa kecil nilainya) mungkin mewujudkan kewajipan kepada pemberi dan dengan itu adalah dilarang. Hadiah wang tunai atau yang setara wang tunai, seperti kad hadiah atau sijil hadiah, turut dilarang.

Sebagai warga kerja FedEx, kami seharusnya tidak meminta hadiah, jamuan makan minum, pelancongan atau keraian daripada pihak ketiga, pelanggan atau pembekal. Di samping itu, kami juga tidak boleh menerima pinjaman atau pertolongan daripada pihak ketiga, pelanggan atau pembekal. Tindakan ini boleh menjelaskan — atau nampak menjelaskan — kemampuan anda untuk membuat keputusan perniagaan yang tidak berat sebelah.

Dasar ini dikenakan sepanjang masa dan tidak akan berubah semasa musim perayaan tradisional yang memerlukan anda bertukar hadiah.

Sumber lain

- Dasar Hadiah & Keraian Global
- Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendirian Melobi
- Dasar Anti Rasuah Global

Peraturan tertentu dikenakan apabila menawarkan hadiah, jamuan makan minum, pelancongan atau keraian kepada pegawai kerajaan. Rujuk [Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan Melobi](#) sebelum menawarkan apa sahaja kepada pegawai kerajaan A.S. dan [Dasar Anti Rasuah Global](#) sebelum menawarkan apa sahaja kepada yang bukan pegawai kerajaan A.S.

BERIKAN YANG BERIKUT, DAN BUKAN

Hadiah perniagaan yang menggalakkan hubungan. Tetapi, ia juga akan kelihatan seperti rasuah kepada pihak luar, maka kami perlu menguruskannya dengan wajar. Berikut adalah perkara yang DIBENARKAN untuk ditawarkan dan diterima, serta perkara yang perlu dielakkan.

Kebiasaan DIBENARKAN



barang promosi



bunga



makanan dan minuman

GUNAKAN PERTIMBANGAN AKAL — *Jika ia mahal dan anda tidak pasti nilainya, rujuk dan dapatkan kelulusan sebelum menawarkan atau menerima — walaupun ia juga salah satu yang berikut.*

Tidak DIBENARKAN



wang tunai



kad hadiah atau yang setara wang tunai



hadiah yang tinggi nilainya



percutian

SEGALA YANG LAIN — *Rujuk dengan jabatan undang-undang syarikat anda bekerja.*

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Pembekal mengundang saya ke persidangan yang akan ditaja oleh mereka dan menawarkan untuk menanggung perbelanjaan perjalanan saya, termasuk tambang penerbangan, makan minum serta penginapan. Bolehkah saya menerimanya?

J Anda tidak boleh menerima tawaran pembekal untuk tambang penerbangan dan penginapan bagi anda serta ahli keluarga anda kecuali telah menerima kelulusan terlebih dahulu daripada penasihat umum syarikat anda bekerja. Anda boleh menerima hidangan makan minum daripada pembekal sebagai sebahagian daripada sebab menghadiri persidangan selagi ia tidak mewah atau berlebih-lebihan dan mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam Kod dan Dasar Hadiah & Keraian Global.

Keselamatan dan Kerahsiaan Data

Kami komited dalam mengekalkan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi yang diberikan kepada FedEx oleh warga kerja, pelanggan, pihak ketiga dan yang lain. Data peribadi adalah sebarang maklumat perniagaan atau peribadi yang boleh digunakan secara langsung atau tidak langsung bagi mengenal pasti individu, seperti nama, nombor telefon, alamat, dan alamat e-mel.

Kami akan mengumpul, merekod dan menggunakan data peribadi dengan cara yang betul dan profesional serta bertanggungjawab memastikan kepatuhan terhadap prinsip perlindungan data, termasuk penggunaan yang dibenarkan dan sah dari segi undang-undang, mempunyai tujuan tertentu, mengehadkan penggunaan, penghapusan, data yang berkualiti, perlindungan keselamatan dan ketelusan.

Semua data peribadi yang diberikan kepada FedEx oleh warga kerja, pelanggan, pihak ketiga dan yang lain perlulah dianggap sulit. FedEx telah melaksanakan peraturan teknikal, pengurusan dan pengendalian bagi melindungi data peribadi daripada diakses tanpa kebenaran, kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian serta pendedahan. Sebarang akses atau pemprosesan data peribadi tanpa kebenaran oleh warga kerja atau pihak ketiga adalah dilarang. Jika anda menyedari atau mengesyaki berlakunya insiden keselamatan data, serangan siber atau kemungkinan penyalahgunaan data peribadi, segera hubungi bahagian undang-undang atau Keselamatan Maklumat syarikat anda melalui laman web Pemberitahuan Insiden, dengan kata kunci "insiden".

Sumber Iain

- Dasar Kerahsiaan Global
- Peraturan Korporat yang Mengikat FedEx
- Dasar Keselamatan Maklumat
- Garis Panduan Media Sosial
- Garis Panduan Aplikasi Pemesejan



Contoh Penggunaan Kod Kami

Saya menyedari nama dan alamat pada pakej yang sedang saya kendalikan adalah individu yang ingin saya hubungi bagi urusan peribadi. Bolehkah saya menggunakan maklumat tersebut untuk berhubung dengannya?

J>Nama dan alamat bagi pengirim dan penerima diberikan bagi kegunaan urusan perniagaan FedEx. Sebarang penggunaan data melainkan bagi tujuan perniagaan, termasuk menghubungi individu tersebut bagi urusan peribadi adalah dilarang.

Antitrust dan Persaingan

Kami berkembang dalam pasaran kompetitif dan komited mahu menawarkan produk dan perkhidmatan dengan nilai yang terbaik kepada pelanggan. Undang-undang antitrust dan persaingan melindungi pelanggan dengan cara menggalakkan harga rendah, mempelbagaikan pilihan serta penciptaan inovasi yang lebih hebat. Tindakan yang melanggar undang-undang antitrust dan persaingan — seperti persetujuan harga tetap dengan pesaing; membahagi-bahagikan pelanggan, kawasan atau pasaran; atau dengan tidak menggaji pekerja masing-masing — adalah dilarang dan bukanlah amalan perniagaan kami.

Pelanggaran antitrust yang paling serius adalah perjanjian dalam kalangan pesaing. Perjanjian tersebut tidak perlu dilakukan secara bertulis ataupun memerlukan persetujuan komitmen tetapi boleh dilakukan melalui perjanjian tidak formal, perbualan bersahaja atau sekadar pertukaran maklumat perdagangan.

Undang-undang antitrust dan persaingan berlaku sepanjang masa, termasuk di mesyuarat persatuan perdagangan, perjumpaan sosial atau semasa perjumpaan tidak formal yang lain. Jika perbualan dengan pesaing memasuki hal-hal yang bertentangan, pastikan anda melindungi FedEx dan diri sendiri dengan menamatkan perbualan serta merta dan segera melaporkan perkara tersebut kepada jabatan undang-undang syarikat anda bekerja.

Sumber lain

- Dasar terhadap Pematuhan Undang-Undang Antitrust/Pesaingan
- Garis Panduan FedEx untuk Menyertai Persatuan Perdagangan

KAMI MESTI MENGELOAKAN SEBARANG PERBINCANGAN DENGAN SAINGAN FEDEX TENTANG:

- > Pelanggan
- > Harga
- > Bidaan
- > Diskaun
- > Upah ahli pasukan
- > Bayaran kepada pihak ketiga
- > Promosi jualan
- > Terma dan syarat jualan
- > Strategi komersial atau pelan pembangunan
- > Sebarang maklumat milik FedEx atau maklumat perdagangan yang sensitif



Contoh Penggunaan Kod Kami

S Apakah contoh cara yang “boleh diterima” bagi mendapatkan maklumat pesaing?

J Kunci utama adalah untuk menggunakan maklumat yang tersedia bagi kegunaan awam seperti laporan tahunan, pemfailan peraturan, broker saham atau analisis pakar pengangkutan, siaran akbar, laman Internet umum dan jurnal perdagangan.

Dagangan dengan Maklumat Dalaman

Kami komited dalam menghormati peranan FedEx dalam pasaran saham dan tidak akan menggunakan bahan maklumat bukan umum untuk dagangan saham secara langsung atau tidak langsung atau memberikan tip kepada yang lain untuk berdagang. Bahan maklumat bukan umum adalah apa jua maklumat tentang FedEx, atau syarikat lain seperti pihak ketiga atau pelanggan FedEx, yang belum didedahkan ke pasaran umum dan mungkin penting kepada pelabur dalam menentukan jual beli saham.

Menggunakan bahan maklumat bukan umum untuk jual beli saham, atau memberikan tip kepada yang lain untuk berbuat yang sama adalah menyalahi undang-undang. Kita mesti berhati-hati untuk tidak mengeluarkan bahan maklumat bukan umum kepada saudara-mara, rakan sekerja atau sahabat handai.

Pegawai, pengarah dan kakitangan pengarah, individu tertentu lain yang dalam kedudukan yang sensitif dan ahli lembaga pengarah Syarikat FedEx adalah dilarang daripada melakukan dagangan saham FedEx semasa "tempoh tenang" yang dikenakan oleh syarikat.

Sumber lain

- Manual Keselamatan

JIKA ANDA MEMILIKI...

...maklumat bukan umum tentang:



pengabungan,
pembelian atau
penjual berskala
besar



penawaran perkhidmatan
baharu atau perubahan
barisan kepimpinan



penyata kewangan atau
prestasi operasi

...maka pastikan untuk:



Melindunginya!
Kekalkan kesulitan
maklumat
tersebut



Dapatkan kelulusan
daripada Undang-
Undang sebelum
melakukan jual beli
saham

Penipuan, Perakaunan dan Kawalan Dalaman

Kami komited untuk berurus niaga secara terbuka, jujur dan adil sesama sendiri dan dengan pelanggan, pembekal serta pesaing kami. Kami tidak akan mengambil kesempatan ke atas seseapa jua melalui penipuan, manipulasi, pemalsuan, salah nyataan atau apa jua amalan urus niaga yang tidak adil.

Kami komited untuk menghapuskan pembaziran, penipuan dan penyalahgunaan daripada akaun FedEx dan memastikan ketepatan rekod perakaunan FedEx. Kami mesti mematuhi sistem perakaunan dan kawalan dalaman FedEx bagi memastikan akaun FedEx adalah tepat dan hanya digunakan untuk perbelanjaan perniagaan atau bayaran balik perbelanjaan yang sah. Di samping itu, semua transaksi kewangan FedEx, sama ada besar atau kecil, perlu didokumenkan dengan baik. Aset yang tidak direkodkan atau dana atau aset "di luar buku" adalah dilarang.

Kami perlu memastikan hanya individu yang dibenarkan boleh melakukan transaksi bagi pihak FedEx atau mempunyai akses kepada aset atau sistem FedEx. Memberikan maklumat yang palsu, mengelirukan atau tidak lengkap akan menjadikan kemampuan kami untuk membuat keputusan yang baik, merosakkan kepercayaan terhadap FedEx dan mungkin menyalahi undang-undang. Rujuk audit dalaman atau jabatan kewangan atau undang-undang syarikat anda bekerja jika anda mempunyai sebarang persoalan berkaitan akaun atau kawalan dalaman FedEx.

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Semasa menyelaraskan ramalan bulanan dengan bilangan sebenar bagi bulan tersebut, saya perhatikan perbelanjaan saya telah melebihi ramalan dengan beberapa ribu ringgit. Saya boleh meminda perbezaan kecil itu dengan mudah dan membawa ke hadapan jumlah perbezaan ke dalam penyata. Patutkah saya membuat pindaan? Patutkah saya membuat pindaan?

J Tidak. Pendapatan dan perbelanjaan mestilah direkodkan pada tempoh yang betul, dan setiap transaksi mestilah dibuat dengan tepat. Pemalsuan apa jua dokumen yang disengajakan adalah satu kesalahan serius dan akan mengakibatkan perkhidmatan anda ditamatkan.



Pendedahan Awam

Kami komited untuk memberikan pendedahan yang lengkap, adil, telus, tepat pada masanya dalam komunikasi awam kami serta dalam laporan yang kami faillkan dengan pihak berkuasa kerajaan, termasuk Suruhanjaya Sekuriti A.S. dan Bursa A.S. ("SEC"). Pendedahan kami membolehkan pemegang saham kami memahami:

- > Risiko dan peluang perniagaan utama
- > Dasar perakaunan yang kritikal
- > Pertimbangan penting yang dibuat semasa menyediakan penyata kewangan kami.

Kami sangat mematuhi semua perkara yang tersurat dan tersirat berkaitan undang-undang pendedahan dan pelaporan awam kepada SEC. Hanya kakitangan tertentu FedEx diberikan kuasa untuk mengeluarkan maklumat bagi pihak FedEx sebagai sebahagian daripada tugas harian mereka. Oleh itu, anda tidak dibenarkan bercakap bagi pihak FedEx kepada SEC, penganalisa pelaburan, media atau melalui media sosial melainkan jika telah diberikan kuasa sebagai sebahagian daripada tugas anda. Sebarang pertanyaan daripada media atau penganalisa pelaburan mestilah diajukan kepada Jabatan Komunikasi Korporat atau Jabatan Perhubungan Pelaburan FedEx.

Sumber lain

- Garis Panduan Media Sosial

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Rakan saya baharu ini telah memulakan kerjayanya sebagai wartawan kewangan. Dia bertanya sama ada saya boleh menghantar maklumat tentang pelan pertumbuhan FedEx. Bolehkah saya menghantar maklumat ini kepadanya?

J Tidak. Ia menyalahi Kod kami dan kemungkinan undang-undang A.S untuk memberikan maklumat kepada wakil media atau penganalisa pelaburan yang belum pernah dimasukkan dalam fail awam kami atau pendedahan lain.

Meraih Kepercayaan Komuniti Kami

Kami menyokong komuniti di tempat kami menjalankan perniagaan, bertujuan menjadi warga dunia yang bertanggungjawab.



Alam Sekitar dan Kelestarian

FedEx mengakui aktiviti yang kami lakukan mempunyai kesan terhadap alam sekitar dan bahawa kesan jangka masa panjang perniagaan kami adalah berkait dengan kelestarian alam kita. Kami komited untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara bertanggungjawab dan berterusan.

Kami mematuhi undang-undang kebangsaan, negeri dan tempatan di tempat kami beroperasi yang mengawal pelepasan udara, kualiti air, pelupusan sisa pepejal dan berbahaya serta pencegahan tumpahan atau pelepasan.

Kami komited untuk terus mempertingkatkan pengurusan alam sekitar. Sebagai sebahagian daripada usaha kami yang berterusan untuk menggalakkan kelestarian, kami sentiasa menilai kesan proses pembungkusan dan operasi FedEx terhadap alam sekitar serta mengurangkannya sebaik mungkin. Kami memastikan pertimbangan terhadap alam sekitar dimasukkan dalam operasi sehari-hari dan proses membuat keputusan perniagaan. Kami fokus dalam mencari serta melaksanakan penyelesaian yang akan mengurangkan kesan terhadap persekitaran dan melindungi alam sekitar.

Sumber lain

- Kenyataan Dasar Alam Sekitar
- Laporan Kewarganegaraan Global



Korupsi, Bayaran Tidak Wajar dan Rasuah

Kami komited menjalankan perniagaan secara adil dan sah serta menentang segala bentuk korupsi umum dan peribadi. Kami mematuhi undang-undang anti-korupsi dan tidak akan menawarkan bayaran tidak wajar atau rasuah bagi mempengaruhi keputusan perniagaan atau meraih peluang perniagaan. Kami tidak akan turut serta dalam menyebarkan pengaruh tidak wajar dengan menawarkan atau menerima hadiah, keraian, pelancongan, pekerjaan, sumbangan amal atau manfaat lain kepada atau daripada perantara untuk mempengaruhi keputusan kerajaan atau meraih peluang perniagaan. Kami tidak akan meminta atau menerima sebarang rasuah, sogokan atau tawaran bayaran tidak wajar bagi pemberian kontrak atau perniagaan FedEx kepada pihak ketiga. Akhir sekali, kami mempunyai kawalan kewangan dalaman bagi mencegah rasuah dan korupsi serta menyimpan akaun dan rekod yang tepat supaya rasuah atau tawaran pembayaran lain tidak disembunyikan sebagai perbelanjaan perniagaan yang sah.

Undang-undang yang melarang rasuah dah korupsi dikenakan kepada **kedua-dua** pegawai kerajaan dan individu perniagaan swasta. Di sesetengah negara, warga kerja atau pihak ketiga mungkin mengalami tekanan untuk membuat tawaran bayaran atau rasuah bagi mempengaruhi keputusan perniagaan atau meraih peluang perniagaan seperti jualan, permit kerajaan, atau perkhidmatan kerajaan atau swasta. Begitu juga, warga kerja mungkin ditawarkan rasuah atau sogokan untuk pemberian kontrak atau perniagaan FedEx. Jangan sekali-kali menawarkan atau bersetuju menerima rasuah, sogokan atau bayaran tidak wajar. Ia menyalahi undang-undang di kebanyakan negara, dilarang oleh FedEx, dan boleh menyebabkan anda dan FedEx didakwa atas kesalahan jenayah.

Jika anda diminta untuk membuat tawaran bayaran atau rasuah, atau ditawarkan rasuah atau sogokan untuk pemberian kontrak atau perniagaan FedEx, segera hubungi pengurus anda dan jabatan undang-undang syarikat anda dan laporkan tentang permintaan atau tawaran tersebut.

Berhati-hati apabila berurusan dengan pegawai kerajaan. Rujuk Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan sebelum menawarkan hadiah, hidangan makanan, pelancongan atau keraian kepada pegawai dari kerajaan A.S. dan Dasar Anti Rasuah Global sebelum menawarkan yang sama kepada pegawai yang bukan dari kerajaan A.S. Jika ragu, dapatkan nasihat daripada jabatan undang-undang syarikat anda.

Sumber lain

- Dasar Anti Rasuah Global
- Dasar Hadiah & Keraian Global
- Dasar Orang Hubungan Kerajaan dan Pematuhan Pendedahan Melobi

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Isteri seorang pegawai tempatan yang dipilih telah menjemput FedEx untuk menaja pengumpulan dana bagi acara amal pendidikan yang ditubuhkan nya. Pajakan sewa FedEx daripada kerajaan tempatan perlu diperbaharui pada hujung tahun. Bolehkah FedEx bersetuju untuk menaja pengumpulan dana bagi menjaga hubungan baik dengan kerajaan semasa rundingan pajakan sewa.

J Walaupun FedEx boleh menaja acara amal, tetapi ini boleh dianggap menyebarkan pengaruh dan FedEx tidak akan cuba mempengaruhi keputusan kerajaan dengan menawarkan sumbangan kepada pihak perantara. Hubungi jabatan undang-undang syarikat anda bekerja untuk menentukan sama ada penajaan mematuhi Kod, Dasar Anti Rasuah Global dan mana-mana panduan pemberian amal FedEx yang berkaitan.

Korupsi, Bayaran Tidak Wajar dan Rasuah Bersambung

FedEx melarang "pembayaran permudahkan", iaitu tawaran pembayaran tidak wajar yang dibuat kepada pegawai atau pekerja kerajaan bagi mempercepatkan atau mendapatkan tindakan balas kerajaan seperti pengeluaran permit atau meluluskan kiriman melalui kastam. Jika anda diminta untuk membayar "pembayaran permudahkan", segera hubungi jabatan undang-undang syarikat anda bekerja.

Kami menggaji dan mengekalkan pihak ketiga yang komited mematuhi Kod dan dasar anti rasuah kami. Oleh itu, FedEx mempunyai proses khusus apabila melibatkan pihak ketiga yang mungkin akan berurusan dengan pegawai kerajaan bagi pihak FedEx. Dasar Anti Rasuah Global dan Prosedur Pematuhan Anti Rasuah syarikat anda bekerja menyediakan arahan terperinci terhadap pengambilan pihak ketiga.

PEGAWAI KERAJAAN IALAH:

- > Pegawai yang dipilih
- > Calon untuk jawatan politik
- > Pegawai atau pekerja bagi parti politik
- > Pegawai atau pekerja bagi jabatan, kementerian atau agensi kerajaan
- > Pegawai atau pekerja bagi entiti milik kerajaan
- > Individu dengan kapasiti dalam kerajaan dan perniagaan peribadi
- > Pegawai atau pekerja bagi organisasi bukan kerajaan

Contoh Penggunaan Kod Kami

S Di negara saya, membuat bayaran kecil bagi memudahkan kertas kerja kerajaan adalah perkara biasa. Jika bayaran kecil ini tidak dibuat, kertas kerja itu akan mengambil masa yang lama. Apakah yang harus saya lakukan?

J Bayaran sebegini mungkin menyalahi undang-undang dan dilarang di bawah Kod kami dan Dasar Anti Rasuah Global. Anda seharusnya memberitahu pengurusan anda dan jabatan undang-undang syarikat anda bekerja untuk menentukan tindakan terbaik.



Kawalan Perdagangan Antarabangsa

FedEx berpusat di A.S., dan kami komited dalam mematuhi undang-undang kawalan perdagangan A.S. Di samping itu, kami juga mematuhi undang-undang kawalan di negara tempat kami beroperasi, asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang A.S. Jadi, kami mendukung dasar dan peraturan bagi menyokong pematuhan serta membantu memastikan yang kami:

- > Tidak beroperasi di, atau menyediakan perkhidmatan di negara atau wilayah yang dikenakan sekatan ekonomi oleh A.S.
- > Tidak melakukan penghantaran yang dilarang bagi import atau eksport
- > Tidak memindahkan teknologi, peralatan atau perisian yang dikawal tanpa lesen import atau eksport
- > Menyaring transaksi bagi mengenal pasti individu atau entiti dalam senarai terhad atau disekat

Di FedEx, kami tidak mengambil bahagian dalam kempen boikot yang dilarang oleh kerajaan A.S, seperti perjanjian diskriminasi berdasarkan kaum, agama, jantina, asal usul atau warganegara, atau enggan melakukan perniagaan dengan negara atau syarikat tertentu yang dilarang oleh A.S.

Pelanggaran undang-undang kawalan perdagangan A.S. dan antarabangsa boleh menyebabkan FedEx dikenakan penalti yang besar. Segera maklumkan kepada pengurus anda atau jabatan undang-undang syarikat anda bekerja jika anda tahu sebarang pelanggaran undang-undang kawalan perdagangan atau permintaan boikot.

Contoh Penggunaan Kod Kami

Saya bekerja untuk FedEx di luar A.S. Adakah undang-undang kawalan perdagangan A.S. dikenakan pada pekerjaan saya?

J Ya. FedEx ialah syarikat yang berpusat di A.S., dan operasi semua syarikat FedEx, di mana sahaja, adalah tertakluk pada undang-undang kawalan perdagangan A.S. Hubungi jabatan undang-undang syarikat anda bekerja bagi mendapatkan panduan pematuhan undang-undang dan peraturan kawalan perdagangan yang tertentu.





Pencegahan Pengubahan Wang Haram

Kami komited membantu pihak kerajaan di serata dunia mengesan serta mencegah aktiviti jenayah dan pembiayaan pengganas yang dilakukan melalui pengubahan wang haram. Pengubahan wang haram adalah proses yang menjadikan pendapatan daripada perbuatan jenayah kelihatan sah dengan menyembunyikan atau menyamari sifat, lokasi, sumber, pemilikan atau kawalan. Kami tidak akan meneruskan urus niaga dengan sebarang perjanjian yang telah dikenalpasti sebagai mencurigakan dan berkemungkinan adalah aktiviti pengubahan wang haram.

Petunjuk pengubahan wang haram termasuk:

- > Permintaan daripada pihak ketiga, pelanggan atau pembekal untuk bayaran tunai
- > Syarat bayaran yang luar biasa
- > Menstruktur atau memecahkan bayaran atau transaksi bagi mengelakkan keperluan kerajaan
- > Pemindahan dana dari atau ke negara yang tidak berkaitan transaksi
- > Pemindahan dana daripada atau kepada pihak ketiga yang tidak berkaitan transaksi
- > Keengganan pihak ketiga, pelanggan atau pembekal untuk memberikan maklumat hubungan yang lengkap atau benar
- > Aktiviti lain yang di luar kebiasaan urusan syarikat

Jika anda berasa curiga tentang kemungkinan berlakunya aktiviti pengubahan wang haram, segera hubungi pengurus anda atau jabatan undang-undang syarikat anda bekerja.

Aktiviti dan Sumbangan Politik

Kami bebas menyokong proses politik melalui sumbangan peribadi atau secara sukarela meluangkan masa peribadi dengan calon atau organisasi. Aktiviti ini adalah pilihan peribadi dan tidak boleh dilakukan dalam lingkungan premis, waktu kerja atau menggunakan apa jua harta benda FedEx seperti kendaraan, telefon, komputer atau peralatan.

Anda tidak boleh membuat atau menyalurkan sumbangan politik bagi pihak FedEx. Anda boleh memilih untuk terlibat dalam Jawatankuasa Tindakan Politik FedEx, tetapi semua sumbangan adalah secara sukarela dan tidak boleh ditolak cukai. Perlu diingatkan hanya warganegara A.S. (yang menetap di serata dunia) dan penduduk tetap di A.S. dibenarkan untuk menyumbang kepada Jawatankuasa Tindakan Politik FedEx.

Sumber lain

- Dasar bagi Sumbangan Politik

Bersuara

Bagi mengekalkan kepercayaan warga kerja, pelanggan dan komuniti kami, kami semua bertanggungjawab mematuhi prinsip etika dan amalan perniagaan seperti yang diterangkan dalam Kod ini.



Dasar Pintu Terbuka

Di FedEx, Janji Ungu kami menggalakkan kami untuk bertanyakan soalan, melaporkan kebimbangan serta mengutarakan idea bagi pembaikan, terus kepada pengurus kami, atau pihak ketiga iaitu rakan niaga FedEx. Adalah penting untuk kami segera bersuara supaya kami dapat mengekalkan komunikasi terbuka antara pengurus, warga kerja dan pihak ketiga. Dengan cara ini, segala persoalan, kebimbangan atau idea akan dapat dijawab.

Di samping itu, jika anda mengetahui atau mengesyaki berlakunya perlanggaran undang-undang, Kod ini, dasar atau peraturan FedEx, maka suarkan dan laporkan kepada pengurus anda atau jabatan sumber manusia, keselamatan atau undang-undang syarikat anda bekerja. Kami menghargai sumbangan anda dalam memastikan kepatuhan prinsip etika dan amalan perniagaan seperti yang diterangkan dalam Kod ini dan akan segera mengambil tindakan terhadap laporan anda.

Talian Amaran FedEx

Jika selepas menghubungi pengurus atau jabatan sumber manusia, undang-undang atau keselamatan syarikat anda bekerja, persoalan atau kebimbangan anda tidak ditangani, atau jika anda ingin merahsiakan identiti, anda boleh membuat laporan tentang persoalan atau kebimbangan ke Talian Amaran FedEx. Talian Amaran FedEx adalah **cara rahsia** bagi melaporkan sebarang persoalan atau kebimbangan 24 jam sehari / 365 hari setahun secara dalam talian atau melalui telefon.


Layari fedexalertline.com bagi melaporkan secara dalam talian atau dapatkan nombor telefon yang diguna pakai di negara atau daerah anda. Di A.S., nombor telefonnya adalah 1.866.42.FedEx (1.866.423.3339).

Di kebanyakan negara, Talian Amaran FedEx membenarkan anda merahsiakan identiti anda. Namun, di sesetengah negara, undang-undang setempat tidak menggalakkan laporan tanpa nama dan anda diperlukan menulis nama sebelum menghantar laporan.


BUNTU UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN YANG SUKAR? INI CARA BAGAIMANA UNTUK MELAKUKANNYA.




Adakah Kod dan dasar FedEx kami membenarkannya?



Adakah pengurus anda fikir ia idea yang baik?



Adakah anda selesa jika warga kerja lain mengetahuinya?



Adakah anda selesa jika tindakan anda menjadi viral?

BERTENANG



Kami perlu berfikir dengan mendalam. Hubungi pengurus anda, jabatan sumber manusia atau undang-undang dan berbincang tentang pilihan anda.

NAMPAK BAGUS



Segalanya nampak bagus – tapi jika anda masih tidak pasti, hubungi pengurus anda, jabatan sumber manusia atau undang-undang untuk perbincangan selanjutnya atau persetujuan.



Laporan Mengenai Penipuan, Perakaunan dan Kawalan Dalaman

Jika anda menyedari berlakunya penipuan kewangan atau apa juar perkara yang diragui mengenai perakaunan, kawalan dalaman atau hal-hal audit berkaitan FedEx, anda dikehendaki melaporkannya. Contoh penipuan kewangan dan perkara perakaunan, kawalan dalaman atau hal-hal audit yang diragui termasuk:

- > Penipuan atau kesilapan yang disengajakan dalam penyediaan atau pengauditan apa juar penyata kewangan FedEx
- > Penipuan atau kesilapan yang disengajakan dalam perekodan dan penyimpanan rekod kewangan FedEx
- > Ketidakpatuhan terhadap kawalan perakaunan dalaman FedEx
- > Kenyataan palsu berkenaan perkara yang terkandung dalam rekod kewangan, laporan kewangan atau laporan audit FedEx
- > Penyembunyian maklumat yang boleh memberikan gambaran sebenar dan adil mengenai kedudukan kewangan FedEx
- > Penipuan dalam pemilikan atau penggunaan harta benda syarikat dan pelanggan

Laporan perlulah dibuat ke Talian Amaran FedEx atau Penasihat Umum Syarikat FedEx.

Sumber lain

- Dasar terhadap Tindakan Aduan Berkenaan Perkara Penipuan Kewangan, Perakaunan dan Pengauditan

Contoh Penggunaan Kod Kami

Saya khuatir pengurus saya mungkin sedang melakukan penipuan kewangan terhadap syarikat, tetapi saya masih tidak pasti. Apakah yang harus saya lakukan?

J Laporkan kebimbangan anda ke Talian Amaran FedEx atau Penasihat Umum Syarikat FedEx. Apa pun pilihan anda, maklumat anda akan dikendalikan secara rahsia sepanjang tempoh siasatan.

Penyiasatan

Jika anda melaporkan pelanggaran undang-undang, Kod, atau dasar dan peraturan FedEx kepada pengurus atau Talian Amaran FedEx, kebiasaannya laporan itu akan dikendalikan oleh jabatan sumber manusia, keselamatan atau undang-undang syarikat anda bekerja, atau jabatan audit dalaman FedEx bergantung pada jenis laporan. Dalam setiap situasi, FedEx akan cuba menentukan jika terdapat salah laku, serta akan mengambil tindakan tepat pada waktunya dan membuat perubahan atau cadangan. Laporan dan penyiasatan akan dirahsiakan semampu yang boleh, selaras dengan keperluan untuk melakukan penyiasatan yang sewajarnya, menyediakan proses yang adil bagi yang dituduh melakukan kesalahan, serta menjalankan latihan susulan atau tindakan pemulihian.

Anda mungkin diminta untuk membantu penyiasatan. Dalam situasi tertentu, anda mungkin diminta untuk bekerjasama dan tidak mengganggu penyiasatan, memberikan maklumat palsu, mengubah atau memusnahkan rekod.

Tiada Tindakan Balas

Kami semua digalakkan untuk bersuara dan melaporkan pelanggaran undang-undang, Kod, dasar dan peraturan FedEx, penipuan kewangan atau kebimbangan mengenai perakaunan, kawalan dalaman atau hal-hal audit berkaitan FedEx. FedEx melarang tindakan balas terhadap individu yang telus melaporkan pelanggaran, sama ada yang diketahui atau disyaki. Ketulusan hati adalah apabila anda menimbulkan persoalan atau kebimbangan yang anda secara jujur percaya adalah sesuatu yang benar.

FedEx juga melarang tindakan balas terhadap individu yang membantu dalam siasatan. Sesiapa yang didapati telah bertindak balas terhadap individu yang telus melaporkan pelanggaran atau membantu dalam penyiasatan, mereka akan dikenakan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk ditamatkan perkhidmatan.

Contoh Penggunaan Kod Kami

Saya percaya telah menerima penilaian prestasi yang teruk selepas membuat aduan tentang pengurus saya. Sebelum ini, saya sentiasa dinilai sebagai cemerlang. Apakah yang boleh saya lakukan?

Jiaka anda percaya bahawa anda telah dikenakan tindakan balas, anda perlu menghubungi jabatan sumber manusia atau undang-undang syarikat anda bekerja dan suarkan kebimbangan anda. Jika anda tidak selesa membuat laporan melalui mana-mana saluran ini, anda perlu menyuarakan kebimbangan anda melalui Talian Amaran FedEx.



Kesimpulan





Penguatkuasaan

FedEx komited untuk mengelakkan dan mengesan tingkah laku yang melanggar Kod ini. Oleh itu, kami akan segera menghentikan apa jua pelanggaran Kod yang dikesan serta mendisiplinkan warga kerja yang terlibat dengan tingkah laku tersebut, sehingga dan termasuk menamatkan perkhidmatan mereka selaras dasar dan peraturan syarikat anda bekerja.

Pengurus FedEx bertanggungjawab memastikan pematuhan Kod, dan semua dasar dan peraturan yang berkaitan, yang dalam tanggungjawab mereka. Pengurus seharusnya segera melaporkan sebarang perlanggaran Kod atau yang lain kepada jabatan sumber manusia atau undang-undang serta menangani sebarang pelanggaran atau kelemahan pematuhan, termasuk mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya. Kami juga akan mendisiplinkan pengurus yang gagal melakukan pengawasan yang baik, sehingga dan termasuk menamatkan perkhidmatan mereka.

Pengecualian

FedEx boleh memberikan pengecualian tertentu terhadap Kod. Permohonan pengecualian perlulah dibuat kepada jabatan undang-undang syarikat anda dan mesti diluluskan oleh penasihat umum syarikat anda bekerja. Pengecualian tidak diberikan bagi pelanggaran undang-undang.

Permohonan pengecualian Kod bagi pegawai eksekutif atau Ahli Lembaga Pengarah Syarikat FedEx perlulah dibuat kepada Pengerusi Jawatan Kuasa Audit bagi Lembaga Pengarah dan mesti diluluskan oleh keseluruhan Lembaga Pengarah. Sebarang pengecualian akan didedahkan serta merta.

Nasihat Terakhir

Kod Tata Kelakuan FedEx menggambarkan komitmen kami terhadap etika dan integriti serta berfungsi sebagai panduan kepada semua warga kerja. Objektif kami adalah untuk menyediakan anda dengan maklumat dan kaedah yang diperlukan bagi melaksanakan tugas anda serta mengekalkan kepercayaan warga kerja, pelanggan serta komuniti di tempat kami menjalankan perniagaan.

Sekiranya anda mendapati diri anda berada dalam situasi yang anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, bertanyalah kepada pengurus anda, jabatan sumber manusia, keselamatan atau undang-undang syarikat operasi anda, atau Jabatan Integriti & Pematuhan Korporat di integrity@fedex.com.

Dengan berkelakuan secara beretika dan mematuhi prinsip-prinsip dalam Kod, kami menuaikan Janji Ungu serta membantu memastikan kejayaan yang berterusan buat FedEx.

Ingat – setiap tindakan bermakna!

Digunakan pada 2 Jun 2003

*Dipinda kali terakhir pada 23 September
2019*

